

19/05/2000

Pendidik disaran kuasai kemahiran multimedia

Abdul Jalil Ishak

DALAM usaha memartabatkan profesion keguruan, institusi pendidikan perlu mengalami perubahan proaktif dalam pengajaran dan pembelajaran ke arah mencapai Wawasan 2020 yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, guru perlu bijak mengendalikan penggunaan Internet dan prasarana koridor multimedia (MSC) sesuai dengan tuntutan, cabaran dan harapan pemimpin negara ke arah mewujudkan negara industri dalam masa terdekat.

Naib Canselor Universiti Industri Selangor (UIS), Profesor Datuk Dr Kamarudin Kachar, berkata penggunaan Internet adalah langkah awal ke arah mewujudkan masyarakat berteknologi tinggi, selaras hasrat dan harapan Wawasan 2020.

"Penggunaan komputer dan Internet dapat membantu guru dalam menyampai dan mengembangkan ilmu, sekali gus mengurangkan beban guru. Namun dari segi fungsi guru, komputer dan Internet tidak dapat memainkan peranan sebagai guru dalam bilik darjah," katanya ketika membenteng kertas kerja di Seminar Pendidikan UPSI 2000 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), baru-baru ini.

Justeru, Dr Kamarudin berkata, guru harus berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka, terutama dalam bidang teknologi maklumat, di samping menunjukkan ketrampilan dan keperibadian unggul setiap masa.

Lebih 200 pendidik, terdiri daripada pensyarah institusi pengajian tinggi (IPT), maktab perguruan dan sekolah di seluruh negara menghadiri seminar dua hari itu. Seminar bertemakan "Teknologi dalam pengajaran pembelajaran alaf baru" itu anjuran Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) universiti itu.

Turut hadir ialah Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Dr Hassan Said, Timbalan Naib Canselor UPSI (Pembangunan), Prof Madya Dr Md Noor Saleh, Dekan FSKPM, Dr Othman Lebar, Dekan Fakulti Sains Sosial Universiti Tun Abdul Razak, Prof Datuk Dr Ibrahim Ahmad Bajunid dan pensyarah UPSI.

Dr Kamarudin berkata selain guru, pelajar dan ibu bapa juga perlu menguasai kemahiran komputer dan Internet bagi memudahkan mereka menghadapi cabaran dan tuntutan alaf baru yang lebih mencabar, khususnya dalam usaha mewujudkan negara industri menjelang 2020.

"Kebaikan komputer sangat banyak, termasuk kebolehan mewujudkan pembelajaran kolaboratif antara sekolah dan IPT lain. Sumber Internet pula terdiri daripada berjuta-juta maklumat yang boleh dimanfaatkan pelajar dan guru.

"Menerusi video-konferensing pula, pelbagai maklumat dapat diketengahkan kepada pelajar tanpa mengira sempadan geografi dan masa. Secara tidak langsung, pendidikan tidak formal dapat dilaksanakan secara lebih berkesan," katanya.

Di samping itu, Dr Kamarudin juga mengingatkan sebagai golongan profesional, pendidik dan pensyarah perlu mengenal pasti teknik pengajaran berkesan bagi memastikan pelajar dapat menguasai ilmu dalam suasana menyeronokkan.

"Bagi menunjukkan `role model' terbaik, seseorang guru cemerlang harus memaparkan ciri-ciri positif, termasuk komited terhadap profesion guru, bersedia meningkatkan prestasi akademik, beretika tinggi, beriman dan bersedia membangunkan masyarakat setempat," katanya.

Mengenai pengajaran di universiti pula, Dr Kamarudin berkata tugas mengajar di universiti bukanlah mudah. Seseorang pensyarah tidak seharusnya membuat tanggapan bahawa dia boleh mengajar dengan baik, sebaliknya ia memerlukan kelulusan akademik cemerlang dan kepakaran dalam penyebaran ilmu pengetahuan.

"Pengajaran di universiti hendaklah bercirikan kepada pendekatan kreatif, bermakna dan menyeronokkan. Pengajaran harus dirancang berasaskan peningkatan intelektual, bagi meluaskan kapasiti pelajar ke arah memupuk perkembangan personaliti mereka secara keseluruhan," katanya.

Beliau menekankan pengajaran berkualiti di universiti harus mencerminkan ciri-ciri bercorak pembangunan intelektual, kepadatan ilmu, pengwujudan ilmu baru, penggunaan ilmu dan pembentukan pemikiran yang kreatif setiap masa.

(END)